

**NO. SOALAN : 2**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [ KUDAT ]**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah kilometer jalan luar bandar di Pulau Banggi yang telah diturap dan bilakah jalan ke Kampung Sabur, Banggi akan dinaik taraf ke jalan berturap.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang 15 km jalan luar bandar di Pulau Banggi telah diturap melalui Projek Naiktaraf Jalan Karakit-Limbuak, Pulau banggi, Kudat yang telah disiapkan pada 16 Oktober 2009 dengan kos RM 37.0 juta. Manakala bagi cadangan menaiktaraf jalan ke Kampung Sabur, Pulau Banggi, Kudat, projek ini tidak tersenarai di bawah RMKe-11.

Yang Berhormat boleh memohon kepada Kerajaan Negeri atau kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk menyenaraikan projek-projek ini sebagai senarai keutamaan dan pihak Kementerian akan meminta Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah menjalankan siasatan tapak dan semakan kos sebelum dikemukakan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA), untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini tertakluk kepada kelulusan MEA dan kedudukan semasa kewangan Kerajaan.